

21/03/2001

Kekurangan guru bahasa ibunda perlu diselesai

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan diminta menyelesaikan dahulu kekurangan guru bahasa ibunda di sekolah aliran Cina dan Tamil sebelum menempatkan guru berkenaan di sekolah kebangsaan.

Gesaan itu dibuat oleh Gabungan Persatuan Guru Sekolah Cina Malaysia dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Jiao Zong) sebagai reaksi terhadap rancangan kerajaan untuk melatih lebih ramai guru yang menggunakan bahasa ibunda bagi mengajar di sekolah kebangsaan.

Penasihat Dong Jiao Zong, Datuk Sim Mou Yu, berkata semua aliran sekolah harus mendapat layanan dan perhatian kerajaan supaya murid mendapat pendidikan berkualiti.

"Contohnya, semua sekolah pelbagai aliran harus mendapat peruntukan yang sama supaya dapat menawarkan pendidikan yang baik," katanya ketika dihubungi hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan melatih lebih ramai guru yang menggunakan bahasa ibunda sendiri untuk mengajar di sekolah kebangsaan di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata, langkah itu dapat menghapuskan kecurigaan, terutama di kalangan masyarakat Cina dan India untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah kebangsaan.

Sim berkata, tanggapan sekolah aliran boleh menjejaskan perpaduan juga salah kerana generasi muda berpeluang berkenalan dan berkomunikasi dengan pelajar lain di peringkat sekolah menengah.

Katanya, semua sekolah aliran juga menggunakan sukatan pelajaran yang ditetapkan kementerian.

"Sukatan pelajaran yang digunakan sekolah Cina atau Tamil ditentukan oleh kerajaan dan tidak mungkin dapat mewujudkan sebarang masalah perkauman," katanya.

(END)